



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR**

### **6 Okt 2020 (Selasa)**

#### **Berita Harian**

|  |   |
|--|---|
| Zulkifli, ADUN DAP positif virus                   | 1 |
| Dua kluster punca kes meningkat                    | 2 |
| Cuci reban itik angsa punca Sungai Semenyih berbau | 3 |
| 273 kawasan alami gangguan bekalan air             | 4 |

#### **Utusan Malaysia**

|  |    |
|--|----|
| Saling menuding                          | 5  |
| Tadah air bagai satu acara di Selangor   | 6  |
| Sungai di Batang Benar daif              | 7  |
| Mungkin dari saluran paip lama           | 8  |
| Bekalan air ambil masa untuk pulih       | 9  |
| Peniaga henti niaga hingga bekalan pulih | 10 |
| Telaga Rakyat tawar air percuma          | 11 |

#### **Harian Metro**

|  |    |
|--|----|
| 6 sampel tanah diambil                                       | 12 |
| Pemilik ladang ternakan, kilang bakal didakwa                | 13 |
| Bau bangkai organik  | 14 |
| Pembangkang desak kerajaan Selangor cari penyelesaian segera | 15 |
| Penat dah isu air  | 16 |
| McDonald's diiktiraf pembayar zakat LZS                      | 17 |

#### **Kosmo**

|   |    |
|---|----|
| Gangguan belum pulih, penduduk mula tadah air | 18 |
| 'Macam sistem syif kilang' - Penduduk         | 19 |
| Sisa organik punca sungai tercemar            | 20 |

#### **Sinar Harian**

|  |    |
|--|----|
| MB Selangor mohon maaf terpaksa langgar kuarantin              | 21 |
| ADUN KampungTunku positif Covid-19                             | 22 |
| Bahan buangan, sebatian organik dikenal pasti punca pencemaran | 23 |
| Pencemaran berlaku di luar Selangor                            | 24 |
| Air sisa tanpa rawatan boleh cemarkan sungai                   | 25 |
| Polis siasat pencemaran bau di dua LRA                         | 26 |
| MAIS serah dana rangsangan pendidikan                          | 27 |

#### **KOSMO Online**

|   |    |
|---|----|
| 309,605 pengguna terjejas LRA Sungai Semenyih, Bukit Tampoi henti tugas | 28 |
|---|----|

#### **Malaysiakini (Bahasa)**

|   |    |
|---|----|
| Pencemaran bau Sungai Semenyih disyaki dari kawasan industri di Nilai | 29 |
| Pencemaran: Lagi gangguan air di Lembah Klang, jejas 300,000 pengguna | 30 |

#### **myMetro On-line**

|   |    |
|---|----|
| Pencemaran di Sungai Semenyih masih dikesan | 31 |
| Monumen abadikan jasa 'Sidek Brothers'      | 32 |

#### **The Star**

|   |    |
|---|----|
| Heavy or dirty, it doesn't matter for now | 33 |
|---|----|



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



|  |    |
|--|----|
| Waste and organic compounds found  | 34 |
| Air Selangor unable to estimate water recovery time                      | 35 |
| Consumers riled up over cuts   | 36 |
| Fix drain erosion in Taman Melawis, MPK urged                            | 37 |
| Lee: Enough is enough, water polluters must pay                          | 38 |
| 'Disarray was avoidable'   | 39 |
| Hassan tops the lot in Selangor Classic tourney                          | 40 |
| <b>New Straits Times</b>   |    |
| Water pollution, again?  | 41 |
| Conduct regular checks on riverside factories, activities, says Lam Thye | 42 |
| FOUL SMELL FROM DUCK AND GOOSE FARM                                      | 43 |
| <b>The Sun</b>   |    |
| Call for single authority to protect water resources                     | 44 |
| Ducks and chickens likely responsible for water cuts                     | 45 |
| <b>The Malaysian Reserve</b>   |    |
| No water, again  | 46 |
| Semenyih River pollution preventable as contaminants visible for years   | 47 |
| You are, regrettably, too kind!  | 48 |
| <b>The Star Online</b>   |    |
| Klang Valley to go dry again   | 49 |



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 6 October 2020

|              |   |                                  |
|--------------|---|----------------------------------|
| Akhbar       | : | Berita Harian                    |
| Tajuk Berita | : | Zulkifli, ADUN DAP positif virus |
| Muka Surat   | : | 2                                |

# Zulkifli, ADUN DAP positif virus

**Kuala Lumpur:** Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri, mengesahkan beliau positif COVID-19 dan sedang menjalani rawatan di hospital.

Beliau memaklumkan perkara itu menerusi hantaran Facebook rasminya, semalam.

"Alhamdulillah, sehingga saat

ini keadaan kesihatan saya adalah baik. Saya menyeru orang ramai yang menghadiri majlis yang membabitkan kehadiran saya antara 24 September hingga 4 Oktober agar menjalani pemeriksaan saringan COVID-19 di mana-mana klinik kesihatan dengan segera," katanya.

Menerusi satu lagi hantaran, Zulkifli memohon maaf atas se-

barang kelemahan dan kekurangan pada dirinya.

"Kepada Allah saya berserah, kepada-Nya jua saya memohon pertolongan. Saya berdoa kepada Allah SWT semoga selamatkan dan sembuhkan rakyat Malaysia yang menghidap COVID-19, termasuk diri saya.

"Terima kasih kepada Menteri Kesihatan, Ketua Pengarah Kesihatan dan doktor serta barisan hadapan yang amat prihatin dengan keadaan saya," katanya.

Terdahulu, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata seorang individu yang menghadiri satu mesyuarat di Jabatan Perdana Menteri pada Sabtu lalu, disahkan positif COVID-19.

Beliau berkata, individu berke-

naan tidak mempunyai sebarang gejala dan kini sudah dimasukkan ke hospital untuk pengasingan, pemerhatian dan rawatan mengikut protokol sedia ada.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kampung Tunku daripada DAP, Lim Yi Wei mengesahkan beliau positif COVID-19.

Dalam satu kenyataan, Yi Wei berkata, beliau dimaklumkan perkara itu oleh Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Petaling Jaya semalam selepas melakukan ujian saringan kedua, 2 Oktober lalu.

"Sejurus kembali dari Sabah pada 27 September, saya menjalankan ujian saringan pertama di klia2 (Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2) dan dipakaikan gelang merah jambu



**Lim Yi Wei**

serta mengamalkan pengasingan sendiri di rumah.

"Pada 30 September, saya menghubungi PKD Petaling Jaya dan keputusan ujian itu negatif. Malangnya, saya mula mengalami gejala berkaitan COVID-19 pada hari berkenaan," katanya sambil menjelaskan PKD kemudian menyarakannya untuk membuat ujian kedua.



**Alhamdulillah, sehingga saat ini keadaan kesihatan saya adalah baik. Saya menyeru orang ramai yang menghadiri majlis yang membabitkan kehadiran saya antara 24 September hingga 4 Oktober agar menjalani pemeriksaan saringan COVID-19 di mana-mana klinik kesihatan dengan segera.**

**Zulkifli Mohamad Al-Bakri,**  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**6 October 2020**

|              |   |                                 |
|--------------|---|---------------------------------|
| Akhbar       | : | Berita Harian                   |
| Tajuk Berita | : | Dua kluster punca kes meningkat |
| Muka Surat   | : | 4                               |

Penularan COVID-19

# Dua kluster punca kes meningkat

432 kes baru catat rekod tertinggi


Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Ahmad Suhael Adnan  
 bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Malaysia merekodkan 432 kes baharu COVID-19 semalam, iaitu yang tertinggi pernah dicatatkan sejak wabak itu mula dikesan di negara ini pada akhir Januari lalu.

Sebahagian besar kes berkenaan adalah dari Kedah, iaitu 241 dan Sabah 130, yang mana kedua-duanya menyumbang 85.9 peratus daripada keseluruhan kes baharu itu.

Daripada 429 kes penularan dalam negara, 224 adalah yang dikesan daripada Kluster Tembok iaitu di Penjara Kedah, manakala 29 kes membabitkan individu yang pulang dari Sabah.

Kebanyakan kes baharu di Sabah pula adalah membabitkan Kluster Bangau-Bangau yang me-



**Orang ramai membuat saringan** di Selcare Clinic SS13 Shah Alam milik kerajaan negeri Selangor, yang mengadakan saringan bersasar dan percuma kepada pemastautin tetap yang mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah pada 20 hingga 26 Oktober lalu. (Foto Aziah Azmee/BH)



Dengan kes baharu itu, jumlah kumulatif jangkitan yang direkodkan di negara ini sebanyak 12,813, dengan 2,336 kes aktif setakat ini.

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan

rekodkan 39 kes.

Ia adalah kali ketiga berturut rekod harian tertinggi virus itu dicatatkan di negara ini selepas mencatatkan 287 kes pada Jumat lalu diikuti 317 kes pada Sabtu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata dengan kes baharu itu, jumlah kumulatif jangkitan yang direkodkan di negara ini sebanyak 12,813, dengan 2,336 kes aktif setakat ini.

Beliau berkata daripada jumlah kes baharu itu, sebanyak 429 kes membabitkan jangkitan dalam negara dan tiga lagi adalah kes import.

"Sebanyak 57 kes pulih dicatatkan, menjadikan jumlah kumulatif discaj sebanyak 10,340 atau 80.7 peratus daripada keseluruhan kes jangkitan.

"Jumlah pesakit yang menerima rawatan di unit rawatan rapi (ICU) adalah 32 orang dan lapan pesakit memerlukan bantuan pernafasan. Tiada kes kematian dicatatkan, menjadikan jumlah kumulatif kematian kekal 137 atau 1.07 peratus," katanya menerusi Facebook, semalam.



**KERATAN AKHBAR**  
**6 October 2020**

|              |   |  |
|--------------|---|--|
| Akhbar       | : | Berita Harian                                      |
| Tajuk Berita | : | Cuci reban itik angsa punca Sungai Semenyih berbau |
| Muka Surat   | : | 6  |



**Cuci reban itik, angsa punca Sungai Semenyih berbau**

Bahan buangan haram, sebatian organik tersisa turut ditemui dalam belukar di kawasan industri Nilai

Oleh Rohaniza Idris, Ahmad Sahael Adnan, Muhammad Yusri Muzamir, Noor Atiqah Sulaiman dan Mohd Amin Idris  
 bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Bahan buangan haram dan sebatian organik tersisa, dikenal pasti punca pencemaran terhadap Sungai Semenyih dan Sungai Langat dekat sini.

Aktiviti pencucian secara besar-besaran kawasan reban itik dan angsa yang disalurkan terus ke Sungai Pajam, Negeri Sembilan, juga dilakukan menjadi punca pencemaran bau air sungai terbahit.

Kementerian Alam Sekitar dan Air memaklumkan, bahan buangan haram dan sebatian organik itu ditemui dalam belukar di pinggir kawasan industri di Jalan Emas, Kawasan Perindustrian Nilai di Negeri Sembilan.

Mentertinya, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man, berkata lokasi punca pencemaran dikenali dalam kawasan belukar terbahit susulan penemuan sejumlah bahan buangan dan sebatian organik dijumpai.

"Bau busuk hampir menyamai bau yang menjadi punca LRA (Loji Rawatan Air) Sungai Semenyih henti tugas semalam (kelmarin)," katanya yang berkongsi beberapa foto di lokasi yang dikenal pasti.

Susulan pencemaran itu juga, Tuan Ibrahim berkata, empat kumpulan dibentuk dalam mesyuarat Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Sembilan dengan beberapa agensi kerajaan, termasuk Jabatan Per-

khidmatan Veterinar dan Jabatan Perikanan, pagi semalam. "Hasil mesyuarat itu menyenaraikan pendok 21 premis untuk siasatan," katanya.

Perdahulu, kementerian itu memaklumkan, sisa buangan haram itu disyaki dirusukkan syarikat tidak berdaftar dan susatan polis, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) serta JAS akan merujuk penemuan di kawasan berkenaan sebagai sumber sekunder.

Susulan penemuan itu, enam sampel tanah diambil JAS Negeri Sembilan dan dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia, manakala Majlis Bandaraya Seremban dan Perba-

danan Pengurusan Sisa Pegejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) membersihkan segera sisa pdkal di lokasi berkenaan.

Pada masa sama, kawasan pembuangan sisa organik itu dikawal rapi JAS Negeri Sembilan, manakala polis memantau kawasan itu.

Walaupun punca pencemaran dikenal pasti, namun kementerian memaklumkan pengurusan Air Selangor belum dapat memulihkan bekalan disebabkan kesan bau masih kuat iaitu di antara tujuh hingga lapan pada Ukuran Kadar Bau (TKB).

Sementara itu, EXCO Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Tek-

nologi dan Inovasi serta Hal Ehwal Pengguna Selangor, Hoo Loy Sian, berkata aktiviti pencucian secara besar-besaran kawasan reban itik dan angsa di tepi Sungai Pajam, Negeri Sembilan, menjadi punca pencemaran bau air Sungai Semenyih dan Sungai Langat.


Bekas berkata, ini susulan pencemaran yang dikesan daripada bau bangkai, hasil daripada bahan organik dan bukannya minyak yang mencetuskan bau sehingga 11 TON di muka sauk LRA Sungai Semenyih dan Sungai Langat di sini, tengah malam kelmarin.

Katanya, susulan kejadian itu, dua pam berkapasiti 300 juta liter sehari (LLD), manakala dua bagi pam dengan kapasiti 27 JLD sudah diaktifkan, masing-masing di LPA Sungai Semenyih dan LPA Sungai Langat, bagi kerja pencucian pencemaran bau.

Sementara itu, Polis Diraja Ma-



Kedudukan air Sungai Pajam disyaki sebagai punca pencemaran di Sungai Semenyih. (Foto Asyraf Hamzah/BH)



Bahan buangan haram serta sebatian organik tersisa disyaki dibuang di kawasan perindustrian Nilai.



Antara lokasi lokasi sungai yang disyaki tercemar di Sungai Bekau Perak. (Foto Asyraf Hamzah/BH)



Penduduk sekitar Petaling mengambil air dari pili awam susulan loji Rawatan Air Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi dihentikan.



Petugas Jabatan Alam Sekitar memeriksa belukar di pinggir kawasan industri di Jalan Emas, Kawasan Perindustrian Nilai di Negeri Sembilan, semalam.




**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



| <b>KERATAN AKHBAR</b> |   |  |
|-----------------------|---|--|
| <b>6 October 2020</b> |   |  |
| Akhbar                | : | Berita Harian                          |
| Tajuk Berita          | : | 273 kawasan alami gangguan bekalan air |
| Muka Surat            | : | 7                                      |



## 273 kawasan alami gangguan bekalan air

**Kuala Lumpur:** Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi masih belum beroperasi setakat jam 6.30 petang semalam, selepas lebih 24 jam dihentikan akibat pencemaran bau yang dirasakan di Sungai Semenyih dan Sungai Langat, petang kelmarin.

ia bermakna 273 kawasan membabitkan 309,605 akaun pengguna yang mengalami gangguan bekalan air akibat penghentian tugas LRA itu, terus berdepan ketidakpastian mengenai pemulihan bekalan air.

Ketua Komunikasi Korporat

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Elina Baseri, berkata kedua-dua LRA itu tidak dapat beroperasi kerana tahap pencemaran di muka sauk mendapati ia masih belum berada pada tahap sifar TON (Kadar Ukuran Bau).

"Ujian persampelan yang dijalankan sehingga jam 6.30 petang mendapati tahap pencemaran di muka sauk LRA Sungai Semenyih adalah 2 TON dan bacaan di muka sauk LRA Bukit Tampoi pula pada tahap 9 TON.

"LRA hanya boleh beroperasi apabila tahap pencemaran berada pada tahap sifar TON sebanyak tiga kali berturut-turut semasa ujian persampelan air mentah dilakukan," katanya dalam satu kenyataan, petang semalam.

Operasi LRA Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi dihentikan pada jam 4.30 petang kelmarin akibat pencemaran itu yang disyaki berpunca daripada aktiviti pencucian besar-besaran yang dijalankan di kawasan reban itik dan angsa di tepi Sungai Pajam serta kawasan

perindustrian Nilai 3, Negeri Sembilan.

Elina berkata, Air Selangor menggerakkan 79 lori tangki air ke premis kritikal, sekolah serta kawasan perumahan yang terjejas bagi memastikan penduduk terjejas mendapat bekalan air sementara.

Selain itu, katanya, 20 tangki statik, 10 stesen pengisian setempat, sembilan pusat khidmat setempat (PKS) dan 13 pili awam juga disediakan untuk kemudahan pengguna mendapatkan bantuan bekalan air.

"Air Selangor akan mengemaskini maklumat gangguan bekalan air tidak berjadual dari semasa ke semasa menerusi semua medium komunikasi Air Selangor termasuk Twitter, Facebook, Instagram dan laman sesawang kami di [www.airselangor.com](http://www.airselangor.com).

"Pengguna juga digalakkan memuat turun aplikasi telefon pintar Air Selangor di Google Play atau Apps Store untuk mendapatkan maklumat terkini bekalan air," katanya.



**LRA hanya boleh beroperasi apabila tahap pencemaran berada pada tahap sifar TON sebanyak tiga kali berturut-turut semasa ujian persampelan air mentah dilakukan.**

**Elina Baseri,**  
 Ketua Komunikasi Korporat  
 Pengurusan Air Selangor

**Penduduk Perumahan Penjawat Awam Presint 16 Putrajaya turut terjejas akibat pencemaran bau Sungai Semenyih.**  
 (Foto Luqman Hakim Zubir/BH)





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR

### 6 October 2020

|              |   |                 |
|--------------|---|-----------------|
| Akhbar       | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | Saling menuding |
| Muka Surat   | : | 1               |

## Saling menuding

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL dan SYED AHMAD ZULKARNAIN SYED ALI  
 utusannews@mediamula.com.my

**KUALA LUMPUR:** Ketika lebih sejuta pengguna di Lembah Klang termasuk Putrajaya sekali lagi berdepan gangguan air, Exco kerajaan negeri di Selangor dan Negeri Sembilan pula saling menuding jari.

Berpunca dari Negeri Sembilan!

Itu tegas Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi (STI), dan Hal Ehwal Pengguna Selangor, Hee Loy Sian mengenai punca pencemaran air mentah di Sungai Semenyih.

**Bersambung di muka 4**

## Selangor dakwa punca pencemaran dari Negeri Sembilan

### Dari muka 1

Pencemaran itu menyebabkan dua loji rawatan air (LRA) di Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi dihenti tugas kelmarin.

Menurutnya, perkara itu berlaku dipercayai berpunca daripada aktiviti pembersihan ladang angsa di Sungai Pajam.

Bagaimanapun Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Sembilan, S. Veerapan pula berkata, punca pencemaran masih belum diketahui dan setakat ini, hanya berdasarkan andaian.

Loy Sian sebaliknya mendakwa, pencemaran berlaku dipercayai berpunca daripada aktiviti pembersihan ladang angsa di Sungai Pajam, Negeri Sembilan.

"Selain ladang itu, kawasan Perindustrian Nilai 3 turut disyaki menjadi punca pencemaran di sungai Batang Benar yang menjadi sumber air mentah. "Kedua-dua sungai di sempadan Selangor itu mengalami pencemaran bau sehingga menjejaskan kualiti air Sungai Semenyih," katanya.

Katanya, kedua-dua LRA masih tidak boleh beroperasi dan sehingga pukul 9.30 pagi, bacaan di Sungai Semenyih berada pada tahap lapan ton.

"LRA akan dibuka semula selepas bacaan bau tiada (0 ton). Kita tidak pasti bila LRA ini akan beroperasi, namun telah mengemam air dari beberapa kawasan untuk disalurkan ke dalam Sungai Semenyih bagi meneutralkan semula air sungai terbabat," katanya.

Katanya, bau yang dikesan di Sungai Semenyih ketika ini adalah bau bangkai dan bukan bau minyak.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



| <b>KERATAN AKHBAR</b> |   |  |
|-----------------------|---|--|
| <b>6 October 2020</b> |   |  |
| Akhbar                | : | Utusan Malaysia                        |
| Tajuk Berita          | : | Tadah air bagai satu acara di Selangor |
| Muka Surat            | : | 2                                      |



## *Tadah air bagai satu acara di Selangor*

AIR oh air. Sudah semakin kerap masalah bekalan air terputus di Lembah Klang terutama Selangor. Penjenamaan semula Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (Syabas) kepada Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) tidak mengubah nasib pengguna daripada terus ada acara menadah air.

Ketiadaan air mengundang banyak masalah. Suami isteri dan anak-anak berantakan. Puncanya mana air dan giliran siapa tadah air. Ini baru masalah dalam keluarga, masalah kepada industri dan peniaga lagi besar.

Sebolehnya, ketika Malaysia berdepan Covid-19, isu terputus air tidak boleh berlaku. Berilah ruang kepada kerajaan dan rakyat untuk fokus kepada satu masalah iaitu Covid-19.

Namun apa boleh buat nampaknya selain masalah Covid-19 rakyat juga kena berdepan masalah air. Persoalannya agak kerap penduduk Lembah Klang kena bersedia dengan tong dan baldi.

Bulan lalu, sumber air di Sungai Gong, Rawang dicemari sisa bengkel jentera berat sehingga menjejaskan kira-kira dua juta pengguna.

Semalam berlaku lagi dan menyebabkan kira-kira sejuta penduduk terjejas. Puncanya belum sah tapi didakwa ekoran operasi pembersihan ladang ternakan angsa di Nilai, Negeri Sembilan menyebabkan sumber air di Sungai Pajam dan Sungai Batang Benar negeri itu tercemar.

Rakyat yang terjejas tidak peduli punca ia tercemar kerana mereka hanya mahu bekalan air berterusan. Khidmat tersebut bukan percuma tetapi dibayar. Jadi pelanggan berhak merungut dan mempersoalkan ketidakecekapan pengurusan air.

Isu tiada air bukan remeh malah pernah mengundang kemurkaan Sultan Selangor yang menitahkan kerajaan negeri membersihkan operasi kilang haram yang berpotensi mencemarkan sumber air.

Sultan Selangor mungkin dapat menyelami perasaan rakyat yang kena tadah air. Negeri termaju, negeri pintar dan penyumbang ekonomi negara terbesar tetapi jika asyik putus bekalan air apalah sangat untuk dibanggakan.

Bayangkan, selepas balik kerja sama ada lelaki dan wanita dengan berbaju kurung, skirt atau berkemeja bawa baldi berbaris di tangki air.

Jangan sampai rombongan berkenaan bertuala dengan bawa berus gigi berhimpun di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Shah Alam untuk mandi.

**Teon Eg ialah Pengarang Berita Utusan Malaysia**

**“Isu tiada air bukan remeh malah pernah mengundang kemurkaan Sultan Selangor”**



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



| <b>KERATAN AKHBAR</b> |   |                             |
|-----------------------|---|-----------------------------|
| <b>6 October 2020</b> |   |                             |
| Akhbar                | : | Utusan Malaysia             |
| Tajuk Berita          | : | Sungai di Batang Benar daif |
| Muka Surat            | : | 4                           |



Oleh **SYED AHMAD ZULKARNAIN SYED ALI**  
 utusannews@mediamulia.com.my

**SEREMBAN:** Dakwaan kerajaan negeri Selangor tentang Sungai Semenyih dicemari air dari sungai di Batang Benar dekat Mantin, Negeri Sembilan, sehingga menyebabkan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi dihenti tugas, mungkin ada benarnya.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di sebatang sungai yang dipercayai tercemar di Kampung Batang Benar di Nilai dekat sini mendapati sungai itu berbau busuk dan dipenuhi sampah sarap dipercayai dibuang oleh pihak tidak bertanggung jawab.

Untuk sampai ke tebing sungai berkenaan, wartawan bersama tiga petugas Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri yang membuat siasatan terpaksa berjalan kaki sejauh lebih 100 meter dengan meredah kawasan bersema.

Apabila sampai di tebing su-



**PENDUDUK** Seri Kembangan beratur mendapatkan air bersih yang disediakan Air Selangor selepas loji rawatan air di Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi dihentikan akibat pencemaran. - **UTUSAN/FARIZ RUSADIO**

ngai, bau busuk terus menusuk hidung dan dapat dilihat dengan jelas air sungai keruh serta penuh dengan sampah sarap ter-

masuk bangkai haiwan.

Selepas pegawai JAS mengambil sampel air, tinjauan diteruskan di dua lagi lokasi berham-

piran yang menempatkan ladang ternakan angsa yang dipercayai punca utama pencemaran.

Bagaimanapun, lokasi itu tidak dapat dimasuki kerana ditutup dan pegawai JAS terpaksa menerbangkan dron untuk membuat tinjauan dari udara.

Gambar yang dirakam dron jelas menunjukkan air sungai di kawasan itu berwarna hitam dan tercemar teruk.

Namun, semua dakwaan itu belum dibuktikan sehingga pihak JAS selesai menganalisis kualiti air dari kawasan tersebut dan kawasan-kawasan yang dilalui oleh sungai berkenaan.

Sebelum ini, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi Dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna, Hee Loy Sian Selangor berkata, aktiviti pembersihan ladang angsa dan kawasan Perindustrian Nilai 3 dipercayai menjadi punca sungai berkenaan tercemar sebelum mengalir ke Sungai Semenyih.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 6 October 2020

|              |   |                                |
|--------------|---|--------------------------------|
| Akhbar       | : | Utusan Malaysia                |
| Tajuk Berita | : | Mungkin dari saluran paip lama |
| Muka Surat   | : | 5                              |

# Mungkin dari saluran paip lama

**PORT DICKSON:** Kerja-kerja menggali dan mencari saluran paip berkaitan masih diteruskan susulan kejadian limpahan minyak mentah di Kilometer 1, Jalan Seremban dekat sini berhampiran dengan Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Gelam sejak petang kelmarin.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan Kesihatan, Kepenggunaan dan Alam Sekitar Negeri Sembilan, **S. Veerapan** berkata, kerja-kerja tersebut melibatkan pelbagai agensi dan pihak termasuk syarikat berkaitan hasil minyak.

“Semua syarikat berkaitan hasil minyak juga telah hadir bekerjasama untuk mengekang minyak mengalir masuk ke laut tanpa mengira punca daripada saluran paip syarikat siapa. Kerja-kerja masih diteruskan dan pihak-pihak berkaitan masih berada di lokasi.

“Pihak TNB telah tiba awal di lokasi kejadian dan diikuti dengan bomba, kemudian pihak-pihak lain yang ada berkepentingan telah turun ke lokasi untuk mencari penyelesaian ke atas isu ini. Saya telah maklumkan pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) ber-

kenaan perkara ini dan mereka tiba ke lokasi dan mengambil sampel minyak,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Sementara itu, Penolong Pengarah Bahagian Operasi, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Negeri Sembilan, **Ahmad Mukhlis Mokhtar** berkata, pihaknya telah ke tempat kejadian sebaik sahaja menerima panggilan pada pukul 6.22 petang, kelmarin.

“Setibanya di tempat kejadian, di dapati benar terdapat sumber minyak mentah daripada bawah tanah dan ia telah

mengalir ke dalam longkang.

“Tindakan operasi adalah mendapatkan bantuan ‘oil boom’ 12 unit daripada Stesen Janakuasa Tuanku Jaafar (SJTJ) untuk mengawal pencemaran minyak dari mengalir ke laut. JAS juga telah dihubungi untuk tindakan selanjut,” katanya dalam kenyataan semalam.

Dalam pada itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sri Tanjung, **Datuk M. Ravi** yang meninjau kawasan kejadian berkata, memang terdapat limpahan minyak yang telah mengalir ke laut dan kawasan pantai yang terjejas



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



| <b>KERATAN AKHBAR</b> |   |                                    |
|-----------------------|---|------------------------------------|
| <b>6 October 2020</b> |   |                                    |
| Akhbar                | : | Utusan Malaysia                    |
| Tajuk Berita          | : | Bekalan air ambil masa untuk pulih |
| Muka Surat            | : | 6                                  |

# Bekalan air ambil masa untuk pulih

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
 utusannews@mediamulla.com.my

**PUTRAJAYA:** Lebih sejuta pengguna perlu menunggu beberapa hari lagi sebelum mendapat bekalan air susulan pencemaran air mentah di Sungai Semenyih dijangka mengambil masa untuk pulih.

Ketua Pegawai Eksekutif Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor), Suhaimi Kamaralzaman berkata, sehingga semalam Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi belum beroperasi selepas dihenti tugas 20 jam.

Menurut beliau, henti tugas itu menyebabkan Air Selangor tidak dapat menghasilkan air terawat berjumlah 602 juta liter sehari untuk dibekalkan kepada pengguna.

Katanya, sehingga pukul 12.30 tengah hari semalam, pencemaran masih berlaku di Sungai Batang Benar, Negeri Sembilan dan berada pada tahap 18 ton, manakala bacaan di muka sauk LRA Sungai Semenyih 9 ton.

"Punca pencemaran belum diketahui dan siasatan masih dilakukan," katanya dalam kenya-



**LOJI Rawatan Air di Sungai Semenyih di Selangor yang dihenti tugas sejak kelmarin ekoran masalah pencemaran bau di Sungai Selangor.**

taan di sini semalam.

Suhaimi berkata, sejak pukul 8 pagi semalam, Air Selangor menggerakkan 64 lori tangki ke premis-premis kritikal, sekolah-sekolah serta kawasan perumahan terjejas.

Katanya, sebanyak 14 tangki statik, tujuh stesen pengisian

setempat, sembilan pusat khidmat setempat (PKS) dan 10 pili awam turut disediakan.

"Air Selangor menyarankan pengguna mengambil bekalan air di pili-pili awam kerana bantuan melalui lori tangki diutamakan kepada premis-premis kritikal seperti hospital dan pusat

dialisis," kata beliau.

Malam kelmarin kira-kira sejuta pengguna di 274 kawasan di Selangor mengalami gangguan air ekoran pencemaran didakwa berlaku di Sungai Batang Benar dan Sungai Pajam di Negeri Sembilan.

Kawasan yang terjejas melibatkan Wilayah Petaling,

Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang.

Sehubungan itu, Suhaimi berkata, Air Selangor akan mengemas kini maklumat dari semasa ke semasa menerusi semua medium komunikasi termasuk media sosial dan laman sesawang di [www.airselangor.com](http://www.airselangor.com).



## KERATAN AKHBAR

6 October 2020

|              |   |  |
|--------------|---|--|
| Akhbar       | : | Utusan Malaysia                          |
| Tajuk Berita | : | Peniaga henti niaga hingga bekalan pulih |
| Muka Surat   | : | 6  |

# Peniaga henti niaga hingga bekalan pulih

**PUTRAJAYA:** “Saya terpaksa berhenti niaga nasi lemak disebabkan bekalan air terputus.”

Demikian luahan pengusaha katering, Mohd. Khairi Kamaruddin, 41, ketika berdepan gangguan bekalan air susulan loji rawatan air (LRA) Sungai Semenyih dan Bukit Tampo di-hentikan tugas kelmarin.

Peniaga dari Presint 11 itu berkata, setiap hari dia menjual nasi lemak antara 40 hingga 50 bungkus selain ada juga dihantar ke sekitar pejabat kerajaan di sini.

Bagaimanapun, cerita Khairi, disebabkan rumahnya tiada air, dia terpaksa menghentikan jualan selain mungkin menolak dua tempahan makanan kepada surau pada Khamis ini.

“Dua tempahan esok (hari ini), saya boleh siapkan kerana ketika ini masih ada bekalan air tangki bagi kegunaan di rumah.

“Saya anggarkan simpanan air tangki ini boleh bertahan lima hari untuk kegunaan har-

ian kami sekeluarga,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Khairi berkata, sepanjang 13 tahun tinggal di Putrajaya, masalah air paling buruk dihadapinya tahun lepas yang berlarutan seminggu.

“Tetapi bantuan bekalan air melalui lori terus dihantar apabila kami hubungi. Pengurusan penghantaran air memang cekap di sini,” katanya.

Seorang lagi penduduk Presint 11 yang enggan dikenali berharap bekalan air pulih segera kerana tanpa air banyak masalah air timbul.

“Setakat hari ini (semalam), saya masih boleh guna simpanan air tangki tetapi selepas esok belum tentu,” katanya.

Seorang pelajar tingkatan empat, Nur Umairah Nor Hisham berkata, jirannya memaklumkan menerima notis di rumah mengatakan tiada bekalan air selama sehari di kuarters penjawat awam di Presint 9.



**KERATAN AKHBAR**  
**6 October 2020**

|              |   |                                 |
|--------------|---|---------------------------------|
| Akhbar       | : | Utusan Malaysia                 |
| Tajuk Berita | : | Telaga Rakyat tawar air percuma |
| Muka Surat   | : | 6                               |

# Telaga Rakyat tawar air percuma

**SHAH ALAM:** Telaga Rakyat Anak Jati Jalan Kebun sedia berkhidmat kepada mana-mana pihak yang terputus bekalan air ekoran penutupan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih dan Bukit Tampo kelmarin.

Menurut Pengerusi Persatuan Anak Jati Jalan Kebun, Yazid Muhidin, telaga yang dibina bulan lalu bukan untuk penduduk setempat malah orang luar juga boleh mengambilnya.

“Walaupun penduduk di sini tidak terjejas tetapi kita terbuka dan mana-mana individu boleh datang ambil air untuk percuma.

“Siapa sangka masalah bekalan air ini kembali lagi selepas sebulan berlalu,” katanya.

Bulan lalu media melaporkan penduduk Kampung Jalan Kebun mengambil keputusan mengorek telaga setelah krisis bekalan air kerap berulang.

Penduduk kampung serik dengan masalah bekalan air terjejas menyebabkan kerja seharian mereka tergendala.

Sementara itu, seorang peniaga makanan yang juga pengusa-



**TELAGA Rakyat di Jalan Kebun di Klang yang digali untuk menampung bekalan air kepada penduduk di situ.**

ha kedai makan, Izwan Nasir,39, berkata, tahun ini dia sudah empat kali terputus bekalan air.

“Saya sebagai kontraktor penghawa dingin susah hendak menjalankan kerja-kerja saya yang memerlukan air. Sekiranya, masalah begini berterusan

sudah pasti sukar untuk menjalankan perniagaan.

“Isteri saya berniaga makanan pukul 10 pagi hingga 9 malam terpaksa tutup kedai. Bukan itu sahaja,notis pun tidak diberi tiba-tiba bekalan air tiada,” katanya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



| <b>KERATAN AKHBAR</b> |   |                        |
|-----------------------|---|------------------------|
| <b>6 October 2020</b> |   |                        |
| Akhbar                | : | Harian Metro           |
| Tajuk Berita          | : | 6 sampel tanah diambil |
| Muka Surat            | : | 2                      |



Pencemaran Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi sejak kelmarin dikenal pasti berpunca daripada bahan buangan serta sebatian organik yang ditinggalkan di kawasan belukar Jalan Emas, Kawasan Perindustrian Nilai, Negeri Sembilan. Sehingga kini, kedua-dua LRA terbahagi masih belum beroperasi kerana pencemaran bau masih berlaku. Ini membahayakan lebih 300,000 pengguna di 273 lokasi termasuk Wilayah Pelalung, Sepang, Hulu Langat dan Kuala Langat. (Lapor Suraya Roslan)

**pili kering lagi**

Oleh Suraya Roslan  
 suraya@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Lokasi utama yang dijangka menjadi punca pencemaran di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi dikenal pasti di kawasan belukar di pinggir kawasan industri Jalan Emas, Kawasan Perindustrian Nilai, Negeri Sembilan. Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dalam satu kenyataan semalam memaklumkan sejumlah bahan buangan serta bahan sebatian organik yang tertera dalam lokasi itu. "Bau busuk bahan buangan yang ada adalah hampir menyamai bau yang menjadi punca LRA Sungai Semenyih henti tugas sejak Ahad. "Sebanyak enam sampel tanah diambil las Negeri Sembilan dan dihantar ke labatan kimia Malaysia manakala Majlis Bandaraya Seremban serta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) akan membersihkan sisa paku di


**6 SAMPEL TANAH DIAMBIL**

**Lokasi utama punca penutupan dua LRA sudah dikenal pasti**

**"Sisa buangan haram yang dijumpai disyaki tidak bertaraf keropos kasa"**

lokasi berkenaan," katanya. Turut hadir di lokasi itu ialah oleh Ketua Setiausaha Kasa, Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pengarah Badan Kawal Selia Air Negeri Sembilan, polis dan Syarikat Air Selangor. Menurutnya, kawasan pembuangan sisa organik ini dikawal rapi oleh JAS Negeri Sembilan dan polis. "Sisa buangan haram yang dijumpai ini disyaki dirusakan oleh syarikat tidak

berdaftar dan siasatan oleh polis. SPAN dan JAS akan merujuk kepada penemuan di kawasan ini sebagai sumber sekunder. "Pihak Pengurusan Air Selangor belum dapat memulihkan bekalan disebabkan kesan bau yang masih kuat (7 hingga 8 ton) namun sedang berusaha untuk memulihkan bekalan secepat mungkin apabila kesan bau dapat dikurangkan kepada 0 ton," katanya.



ORANG awam dari sekitar Petaling mengambil air dari pili awam sekitar LRA Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi terpaksa dibentasi tugas sepenuhnya.



## KERATAN AKHBAR

6 October 2020

|              |   |   |
|--------------|---|---|
| Akhbar       | : | Harian Metro                                  |
| Tajuk Berita | : | Pemilik ladang ternakan, kilang bakal didakwa |
| Muka Surat   | : | 2   |

# Pemilik ladang ternakan, kilang bakal didakwa

**Kuala Lumpur:** Beberapa pemilik ladang ternakan dan kilang di kawasan Perindustrian Nilai, Negeri Sembilan yang dikenal pasti punca pencemaran air di Sungai Semenyih dan Sungai Langat akan didakwa dalam masa terdekat.

Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air (Kasa) Datuk Seri Ir Dr Zaini Ujang berkata, pihaknya dengan kerjasama beberapa agensi lain sedang menyiapkan kertas siasatan untuk membawa mereka ke muka pengadilan selepas didapati menyebabkan operasi Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi dihentikan sejak jam 4.30 petang Ahad.

"Kita sedang berusaha mengenal pasti tempat (pencemaran) termasuk lokasi penemuan terbaru sisa kumbahan organik dari kilang di kawasan Perindustrian Nilai dan akan mengambil tindakan perundangan terhadap mereka.

"Pihak kami sedang berusaha menyiapkan beberapa (kertas) siasatan hari ini dan mendakwa mereka terbabit. Pasti ia memerlukan kerjasama semua pihak terutama Jabatan Alam Sekitar, Lembaga Urus Air Selangor (Luas), Syarikat Air Negeri Sembilan (Sains), polis dan sebagainya," katanya kepada Harian Metro.

Dr Zaini berkata, untuk tempoh jangka panjang, pihaknya kini sedang mengkaji akta baharu untuk mendakwa mereka yang menyebabkan loji rawatan air ditutup.

Beliau turut mengesahkan ladang ternakan angsa dan itik serta kawasan perindustrian di Negeri Sembilan disyaki punca

pencemaran bau di Sungai Semenyih dan Sungai Langat dekat Selangor.

Dua lokasi punca pencemaran itu masing-masing dikatakan di Kawasan Perindustrian Nilai 3 serta sebuah ladang ternakan itik dan angsa dekat Pajam, Negeri Sembilan.

Sementara itu, Menteri Alam Sekitar dan Air Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man berkata, empat kumpulan dibentuk bagi mengenal pasti punca pencemaran bau Sungai Semenyih yang menyebabkan operasi Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi dihentikan.

Katanya, empat kumpulan itu dibentuk hasil mesyuarat Jabatan Alam Sekitar (Jas) Negeri Sembilan pagi semalam dengan beberapa agensi kerajaan termasuk Jabatan Veterinar dan Jabatan Perikanan.

"Hasil mesyuarat itu sebanyak 21 premis disenarai pendek untuk siasatan," katanya.



**KERATAN AKHBAR**  
**6 October 2020**

|              |   |                     |
|--------------|---|---------------------|
| Akhbar       | : | Harian Metro        |
| Tajuk Berita | : | Bau bangkai organik |
| Muka Surat   | : | 3                   |

# BAU BANGKAI ORGANIK

*Aktiviti cucian reban itik, angsa disyaki punca pencemaran di Sungai Semenyih, Langat*

**Bernama**

**Bangi**

**A**ktiviti pencucian secara besar-besaran yang dijalankan di kawasan reban itik dan angsa di tepi Sungai Pajam, Negeri Sembilan disyaki menjadi punca pencemaran bau di Sungai Semenyih dan Sungai Langat.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna Selangor Hee Loy Sian berkata, ini susulan pencemaran dikesan daripada bau bangkai hasil bahan organik dan bukannya minyak.

Selain itu, katanya, punca lain yang disyaki adalah kawasan Perindustrian Nilai 3 dan berharap kerajaan Negeri Sembilan dapat mengambil inisiatif menyiasat perkara tersebut.

Loji Pembersihan Air (LPA) Semenyih dan Bukit Tampoi terpaksa dihentikan pada jam 4.30 petang, Ahad lalu susulan pencemaran bau dikesan di Sungai Semenyih dan Sungai Langat yang menyebabkan gangguan bekalan air.

Hee berkata, bacaan bau kelmarin antara tiga dan empat ton dikesan di muka sauk LPA Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi dan bacaan itu naik sehingga mencecah 11 ton.

"Bacaan bau pada jam 9.30

pagi hari ini (semalam) adalah dalam lapan ton dan berada dalam tahap tidak stabil. Kedua-dua LPA ini dijangka dapat dibuka semula petang nanti, sekiranya bacaan bau berada di zero ton," katanya.

Pencemaran bau itu menyebabkan 273 kawasan terjejas membabitkan 309,605 akaun pengguna di empat wilayah iaitu Wilayah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang, mengalami gangguan bekalan air tidak berjadual.

Hee berkata, dua pam digerakkan untuk membekalkan 27 juta liter sehari (JLD) di Sungai Langat manakala 300 JLD di Sungai Semenyih.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 6 October 2020

|              |   |  |
|--------------|---|--|
| Akhbar       | : | Harian Metro   |
| Tajuk Berita | : | Pembangking desak kerajaan Selangor cari penyelesaian segera |
| Muka Surat   | : | 3  |

# Pembangking desak kerajaan Selangor cari penyelesaian segera

**Sabak Bernam:** Kerajaan Selangor didesak bertindak secara agresif menyelesaikan masalah air yang sekian lama membelenggu rakyat negeri ini.

Ketua Pembangking Dewan Undangan Negeri (Dun) Selangor Rizam Ismail berkata, ia semakin serius dan perlu diambil perhatian sewajarnya sebelum rakyat menagih dan melutut kepada kerajaan supaya masalah itu diselesaikan.

“Pertama sekali, saya ingin bertanya kepada Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Selangor, Ng

Sze Han.

“Adakah beliau tidak mengawal selia kilang yang beroperasi di negeri ini sehingga terlalu banyak kes masalah air yang berpunca daripada pencemaran sungai oleh kilang tidak bertanggungjawab?”

“Apakah beliau tidak belajar dari kesilapan lepas? Rakyat sudah tidak mampu lagi berdepan dengan masalah air yang tiada kesudahan ini,” katanya menerusi satu kenyataan di sini.

Dalam pada itu, beliau menegaskan rakyat negeri ini di bawah tanggungjawab Kerajaan Selangor dan

Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari.

“Kedua, saya ingin bertanya kepada Menteri Besar yang juga merupakan Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Urus Air Selangor (Luas).

“Adakah anda sedia maklum masalah air di negeri ini adalah masalah kritikal rakyat? Hingga kini, masih tiada pelan atau *blueprint* dalam penyelesaian masalah air.

“Jika tidak mampu (fikirkan penyelesaian), saya sarankan beliau lepaskan jawatan dan berikan kepada orang yang mempunyai idea dan solusi,” katanya.



| <b>KERATAN AKHBAR</b> |   |                   |
|-----------------------|---|-------------------|
| <b>6 October 2020</b> |   |                   |
| Akhbar                | : | Harian Metro      |
| Tajuk Berita          | : | Penat dah isu air |
| Muka Surat            | : | 4                 |

# Penat dah isu air!

*Penduduk Selangor hilang sabar akibat masalah gangguan bekalan berulang kali gesa tindakan tegas*

Oleh Suraya Roslan  
 suraya@hmetro.com.my

## Dengkil

Rata-rata penduduk di Selangor sudah penat dengan masalah ketiadaan air hingga mengganggu urusan harian mereka terutama peniaga.

Kekerapan ketiadaan air menyebabkan mereka kini sudah hilang sabar angkara sikap tidak bertanggungjawab pemilik kilang atau perusahaan yang melakukan pencemaran di negeri berkenaan.

Peniaga di Kampung Jenderam Hilir, A Ramli Harun, 47, berkata, isu air sudah berlarutan sudah lama dan setiap tahun pastinya penduduk Selangor akan berdepan dengan masalah berkenaan.

"Kami sudah penat, setiap tahun pasti akan berlaku isu ketiadaan air, masalah ini menjejaskan perniagaan saya. Perniagaan kami boleh terjejas, bayangkan kami sudah beli bahan mentah segar untuk masak dan jika tiada air pastinya kami tidak dapat beroperasi seperti biasa," katanya kepada Harian Metro.

Menurutnya, kerajaan perlu mengambil tindakan tegas dan membawa pihak bertanggungjawab ke muka pengadilan.

"Isu pencemaran ini bukan pertama kali dalam Selangor. Pencemaran ini memberi kesan kepada semua pihak, harap tindakan tegas dapat diambil," katanya.

Bagi seorang lagi penduduk, Salmah Katin, 63, berkata, dia berharap kerajaan negeri dapat melakukan sesuatu sebelum kejadian lebih buruk berlaku.

"Ketiadaan air memang menjadi bebanan kepada kami, tolonglah selesaikan segera," katanya.

Sementara itu, bagi penduduk Kampung Jenderam



PENDUDUK USJ 4 S, Subang Jaya mengambil bekalan air yang dibantar ke perumahan mereka.

Hilir, Nor Hayati Lamyat, 46, "Jika tiada air satu dua hari kita masih boleh terima, tetapi kalau berpan-

jangan dalam tempoh seminggu memang bawa masalah," katanya.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR

### 6 October 2020

|              |   |   |
|--------------|---|---|
| Akhbar       | : | Harian Metro                            |
| Tajuk Berita | : | McDonald's diiktiraf pembayar zakat LZS |
| Muka Surat   | : | 20                                      |



SAIPOLYAZAN (kiri) dan Azhar menampal stiker zakat pada dinding restoran McDonald di McDonald Mutiara Damansara, semalam.

# McDonald's diiktiraf pembayar zakat LZS

*Restoran makanan segera pertama terima sijil pengiktirafan*

Oleh Sri Ayu Kartika Amri  
 kartika@hmetro.com.my

#### Petaling Jaya

**M**cDonald's Malaysia menjadi restoran makanan segera pertama di Malaysia menerima sijil pengiktirafan pembayar zakat korporat Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Naib Presiden Sumber Manusia dan Pengerusi Jawatankuasa Halal Dalam McDonald's Malaysia, Azhar Darbi berkata, secara keseluruhan pada 2019, pihaknya membayar zakat perniagaan berjumlah RM1.4 juta yang diagihkan secara sama rata untuk 14 negeri di negara ini.

Katanya, untuk Selangor pula, pihaknya membayar zakat RM101,000 yang di-



*Sijil Pembayar Zakat Korporat yang diterima ini adalah pengiktirafan amat besar dan semestinya mampu mengukuhkan lagi keyakinan rakyat Malaysia terhadap jenama McDonald's"*

**Azhar Darbi**

salurkan kepada LZS.

"Sijil Pembayar Zakat Korporat yang diterima ini adalah pengiktirafan amat besar dan semestinya mampu mengukuhkan lagi keyakinan rakyat Malaysia terhadap jenama McDonald's.

"Menghulurkan bantuan atau sumbangan adalah se-

suatu yang cukup dekat di hati kami semua di McDonald's Malaysia, sama ada menerusi usaha tanggungjawab sosial korporat (CSR) kami atau pembayaran zakat.

"Selain memenuhi tuntutan agama, kami juga melihat sumbangan zakat ini sebagai usaha berterusan McDonald's Malaysia untuk membantu golongan masyarakat yang memerlukan di mana ia salah satu nilai teras McDonald's Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyerahan Sijil Pengiktirafan Pembayar Zakat Korporat LZS di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif LZS, Saipolyazan Mat Yusop.

Azhar berkata, McDonald's Malaysia juga membiayai 62 anak asnaf di se-

luruh negara sebagai perantis dalam menjalani Program Perantis Vokasional McDonald's Malaysia.

"Sebaik sahaja tamat latihan, mereka akan dianugerahkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 yang diiktiraf oleh Kementerian Sumber Manusia dan seterusnya layak mengembangkan lagi kerjaya mereka di McDonald's atau dalam industri perkhidmatan makanan di Malaysia.

"Sejak program ini diperkenalkan pada 2018, kira-kira 1,200 belia sudah dan sedang mengikuti Program Perantis Vokasional McDonald's.

"Kos untuk setiap perantis kira-kira RM30,000 merangkumi elauan sara diri sebanyak RM1,200 sebulan, tempat tinggal dan makan minum pada setiap hari latihan," katanya.



| <b>KERATAN AKHBAR</b> |   |   |
|-----------------------|---|---|
| <b>6 October 2020</b> |   |   |
| Akhbar                | : | Kosmo   |
| Tajuk Berita          | : | Gangguan belum pulih, penduduk mula tadah air |
| Muka Surat            | : | 5   |

## Gangguan belum pulih, penduduk mula tadah air

**KUALA LUMPUR** – Penduduk di beberapa kawasan yang terjejas kerana gangguan bekalan air mula menadah air untuk kegunaan harian.

Tinjauan *Kosmo!* di beberapa lokasi di sekitar daerah Petaling mendapati, segelintir penduduk mula mengerumuni tangki-tangki air serta pili-pili awam yang disediakan oleh Air Selangor.

Seorang penduduk yang ingin dikenali sebagai Goh, 72, berkata, dia bersama adiknya mula menadah air di tangki yang disediakan di kawasan Seri Kembangan itu seawal pukul 8 pagi bagi mengelakkan bersesak dengan orang ramai.

"Bekalan air di rumah saya mulai perlahan dan terputus kira-kira pukul 9 malam tadi (kelmarin) selepas air di dalam tangki habis digunakan, jadi seawal 8 pagi tadi saya sudah di sini menadah air untuk digunakan bagi



**BEBERAPA penduduk menadah air yang disediakan oleh Air Selangor di Taman Jinma, Serdang semalam.**

membasuh pinggan mangkuk dan memasak.

"Walaupun risau dengan kes Covid-19 yang semakin

meningkat, kami terpaksa keluar juga untuk mendapatkan air, namun kita dapat lihat mereka yang datang mengenakan pelitup

muka dan menjaga jarak sosial," katanya.

Menurut Goh, dia bagaimanapun lega kerana tangki air di situ tidak dikerumuni orang seperti yang dibayangkannya.

"Saya tiba awal kerana tidak mahu berhimpit-himpit mendapatkan bekalan air, namun orang tidak terlalu ramai pula hari ini (semalam).

"Mungkin kerana bekalan air di dalam tangki di rumah mereka masih ada," ujarnya ringkas.

Sementara itu, di **Puchong, Selangor**, seorang penduduk, Hasrul Nizam, 39, berkata, dia mengambil air sebanyak dua kali.

"Saya tiba di pili awam ini pada pukul 12 tengah hari dan nampaknya tidak ramai yang beratur.

"Namun, saya yakin, menjelang petang nanti (semalam) orang ramai akan mula mengeru-

muni tangki-tangki serta pili-pili awam yang disediakan," katanya.

Sementara itu, Air Selangor dalam satu kenyataan berkata, Loji Rawatan Air Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi masih belum lagi beroperasi sepenuhnya ekoran insiden pencemaran air mentah tersebut.

"Sehingga pukul 12.30 tengah hari, pencemaran masih lagi dikesan di Sungai Batang Benar, Negeri Sembilan dan pengguna digalakkan mendapatkan bekalan air alternatif di pili-pili awam dan Pusat Khidmat Setempat di lokasi seperti yang dinyatakan di laman web Air Selangor.

"Maklumat terkini gangguan bekalan air tidak berjadual ini juga boleh diperolehi menerusi semua medium komunikasi rasmi Air Selangor di Aplikasi Air Selangor, Twitter, Facebook, Instagram dan laman sesawang kami di [www.airselangor.com](http://www.airselangor.com)," jelasnya.



## KERATAN AKHBAR 6 October 2020

|              |   |                                       |
|--------------|---|---------------------------------------|
| Akhbar       | : | Kosmo                                 |
| Tajuk Berita | : | 'Macam sistem syif kilang' - Penduduk |
| Muka Surat   | : | 5                                     |

# 'Macam sistem syif kilang' – Penduduk

**KUALA LANGAT** – Gangguan bekalan air tidak berjadual akibat henti tugas dua Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi jelas merunsingkan penduduk di daerah ini.

Seorang penduduk Kampung Kebun Baharu Batu 10, Jamuri Mohd. Ihsan, 56, berkata, masalah bekalan air di Selangor ibarat syif kilang.

"Bulan lalu, kawasan berhampiran tiada air tetapi hari ini kami pula merasa azabnya. Kesusahan ini hanya dihadapi oleh penduduk Selangor," katanya.

Tinjauan *Kosmo!* mendapati terdapat beberapa pengusaha

kedai makanan terpaksa menutup kedai lebih awal.

Izwan Nasir, 39, menjelaskan, tahun ini sahaja sebanyak empat kali gangguan bekalan air berlaku hingga menjejaskan perniagaannya.

"Kalau begini, bagaimana hendak raih pendapatan. Kita berharap pihak berkuasa segera menyelesaikan perkara tersebut," katanya.

Sementara itu, seorang suri rumah di Taman Changgang Jaya, Ernie Shafiza Zuraidi, 30, turut mengeluh dan mendakwa tidak menerima notis penutupan bekalan air tersebut yang menyukarkan aktiviti harian rumah.



**IZWAN** menutup kedai lebih awal kerana masalah gangguan bekalan air di Kampung Kebun Baharu Batu 10, Kuala Langat semalam.



**KERATAN AKHBAR**  
**6 October 2020**

|              |   |                                    |
|--------------|---|------------------------------------|
| Akhbar       | : | Kosmo                              |
| Tajuk Berita | : | Sisa organik punca sungai tercemar |
| Muka Surat   | : | 5                                  |

Pihak berkuasa temui bahan buangan dalam belukar

# Sisa organik punca sungai tercemar

Oleh **MALINDA ABDUL MALIK,**  
**AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI**  
dan **EDDY HAMIDI**

**KUALA LUMPUR** – Bahan buangan dan sebatian organik tersisa dikenal pasti sebagai punca utama pencemaran air hingga mengakibatkan lebih sejuta pengguna di kawasan Sepang, Petaling, Hulu Langat dan Kuala Langat terkesan.

Gangguan air itu berlaku apabila operasi Lori Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih terpaksa dihenti tugas kerana keadaan air yang berbau seperti bangkai.

Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man berkata, punca itu dikenal pasti selepas sejumlah bahan buangan dan sebatian organik dijumpai di kawasan belukar di Jalan Emas, Kawasan Perindustrian Nilai, Negeri Sembilan.

“Berdasarkan sisa buangan, bau busuk hampir sama dengan bau yang menjadi punca LRA Sungai Semenyih henti tugas semalam,” katanya dalam hantaran di laman Facebook rasminya semalam.

Terdahulu, Exco Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi Dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna, Hee Loy Sian meninjau aktiviti mengepam air tasik idaman, Kampung Sungai Buah, Jenderam Hilir, Dengkil ke dalam Sungai Semenyih.

Ia dilakukan bagi meneutral-



**KAKITANGAN JAS memeriksa sisa buangan organik yang ditemui di kawasan belukar di Kawasan Perindustrian Nilai semalam.**

kan semula air sungai berkenaan daripada pencemaran bau.

Sementara itu, Kementerian Alam Sekitar dan Air dalam satu kenyataan berkata, sisa buangan haram yang berbau busuk itu disyaki diuruskan oleh syarikat tidak berdaftar.

Katanya, sampel tanah sudah dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia, manakala Majlis Bandaraya Seremban dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam membersihkan sisa pukal di lokasi tersebut semalam.

“Siasatan polis, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dan Jabatan Alam Sekitar akan merujuk kepada penemuan di kawasan itu sebagai sumber sekunder.

“Pengurusan Air Selangor masih belum dapat memulihkan bekalan kerana kesan bau yang masih kuat iaitu tujuh hingga lapan ton,” katanya.

Tambah kenyataan itu, kawasan pembuangan sisa organik terbabit dikawal rapi oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan polis.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



| <b>KERATAN AKHBAR</b> |   |   |
|-----------------------|---|---|
| <b>6 October 2020</b> |   |   |
| Akhbar                | : | Sinar Harian                                      |
| Tajuk Berita          | : | MB Selangor mohon maaf terpaksa langgar kuarantin |
| Muka Surat            | : | 3   |

## MB Selangor mohon maaf terpaksa langgar kuarantin

**SHAH ALAM** - Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari yang menjalani kuarantin di rumah terpaksa keluar bertugas bagi menyelesaikan isu pencemaran yang memberi kesan kepada kehidupan rakyat Selangor.

Di fahamkan, Amirudin bertindak demikian bagi menyelesaikan isu gangguan bekalan air membabitkan daerah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang susulan pencemaran air mentah di Sungai Semenyih.

"Saya mohon maaf terpaksa keluar daripada tempoh kuarantin malam ini (kelmarin) untuk menyelesaikan isu pencemaran yang memberi kesan pada kehidupan rakyat Selangor."

"Saya mengambil langkah berjaga-jaga dengan memakai *face shield* dan *face mask*. Kedua-dua ujian saringan saya menunjukkan keputusan negatif," katanya.

Beliau berkata demikian menerusi Facebook malam kelmarin selepas meninjau situasi pencemaran di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih yang berlaku petang kelmarin. Tinjauan itu turut dihadiri Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man.

Amirudin memaklumkan, berdasarkan taklimat dan siasatan awal, punca pencemaran adalah dari kawasan perindustrian di Negeri Sembilan.



Amirudin menerusi hantaran di Facebooknya malam kelmarin memaklumkan beliau terpaksa keluar daripada kuarantin Covid-19 yang dijalannya untuk menyelesaikan isu pencemaran air.

"Usaha sedang dilaksanakan bagi membersihkan sumber air dan memulihkan bekalan air secepat mungkin," katanya.

Pada 29 September lalu Pejabat Menteri Besar Selangor memaklumkan Amirudin disahkan bebas Covid-19 setelah menjalani kuarantin di rumah bagi mematuhi arahan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebaik kepulangan beliau dari program di Sabah.

Keputusan tersebut adalah hasil daripada ujian RT-PCR (*Reverse Transcription Polymerase Chain Reaction*) yang dijalankan sejourus tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2) pada 28 September lalu.

Pada Julai lalu, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr. Mohd Khairuddin Aman Razali juga telah gagal menjalani kuarantin Covid-19 selepas beliau pulang dari Turki.

Dr Mohd Khairuddin Aman Razali pada Julai lalu dilaporkan tidak mematuhi arahan kuarantin dan telah memulangkan gaji beliau sebagai menteri bermula Mei hingga Ogos sebagai sumbangan kepada Tabung Bantuan Bencana Negara.





**KERATAN AKHBAR**

**6 October 2020**

|              |   |                                    |
|--------------|---|------------------------------------|
| Akhbar       | : | Sinar Harian                       |
| Tajuk Berita | : | ADUN KampungTunku positif Covid-19 |
| Muka Surat   | : | 6                                  |

## ADUN Kampung Tunku positif Covid-19

**SHAH ALAM** - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kampung Tunku, Lim Yi Wei daripada DAP mengesahkan dirinya positif wabak koronavirus (Covid-19) menerusi keputusan ujian saringan kali kedua semalam.



**LIM YI WEI**

Menurut Yi Wei, selepas kembali dari Sabah pada 27 September lalu, pihaknya telah menjalani ujian saringan pertama di Lapangan Terbang Kuala Lumpur 2 (KLIA2) dan turut dipakaikan gelang merah jambu.

Beliau berkata, keputusan ujian saringan pertama yang diperolehi pada 30 September lalu adalah negatif dan pihaknya turut dipanggil Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Petaling Jaya untuk menanggalkan gelang itu pada keesokan hari.

“Sejak hari pertama, saya mengamalkan pengasingan ken-

diri di rumah.

“Malangnya, saya mula mengalami gejala berkaitan dengan Covid-19 pada hari tersebut (selepas tanggal gelang merah jambu).

“Berdasarkan saranan PKD, saya menjalani ujian saringan kedua pada 2

Oktober lalu dan sambung pengasingan sendiri sehingga dimaklumkan keputusannya hari ini (semalam),” katanya dalam satu kenyataan di sini.

Mengulas lanjut, Yi Wei berkata, pasukannya turut mengamalkan pengasingan sendiri sejak hari pertama kembali dari Sabah malah keputusan ujian saringan mereka juga didapati negatif.

Beliau berkata, kesemua ahli pasukannya akan menjalani ujian kedua saringan Covid-19 dalam masa terdekat bagi memastikan mereka bebas daripada pandemik berkenaan.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 6 October 2020

|              |   |  |
|--------------|---|--|
| Akhbar       | : | Sinar Harian   |
| Tajuk Berita | : | Bahan buangan, sebatian organik dikenal pasti punca pencemaran |
| Muka Surat   | : | 9  |



Tinjauan dilakukan di kawasan pembuangan bahan buangan dan sebatian organik tersisa di kawasan belukar di Jalan Emas, Kawasan Perindustrian Nilai semalam.

### Bahan buangan, sebatian organik dikenal pasti punca pencemaran

**PUTRAJAYA** - Bahan buangan dan sebatian organik tersisa dikenal pasti sebagai punca utama pencemaran air yang menjejaskan operasi Loji Rawatan Air (LRA) Semenyih dan Bukit Tampoi sejak kelmarin. Bahan berkenaan dijumpai di kawasan belukar di Jalan Emas, Kawasan Perindustrian Nilai, Negeri Sembilan.

Kementerian Alam Sekitar

dan Air (KASA) dalam kenyataannya berkata, sisa buangan haram yang berbau busuk itu disyaki diuruskan oleh syarikat tidak berdaftar.

Menurutnya, siasatan polis, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan merujuk kepada penemuan di kawasan itu sebagai sumber sekunder. "Sampel tanah sudah dihan-

tar ke Jabatan Kimia Malaysia manakala Majlis Bandaraya Seremban dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) membersihkan sisa pukal di lokasi tersebut," kata kenyataan itu di sini semalam.

Menurut kenyataan itu lagi, kawasan pembuangan sisa organik terbabit dikawal rapi oleh JAS dan polis.



| <b>KERATAN AKHBAR</b> |   |                                     |
|-----------------------|---|-------------------------------------|
| <b>6 October 2020</b> |   |                                     |
| Akhbar                | : | Sinar Harian                        |
| Tajuk Berita          | : | Pencemaran berlaku di luar Selangor |
| Muka Surat            | : | 9                                   |

# Pencemaran berlaku di luar Selangor

Pencemaran bau di Negeri Sembilan dikenal pasti jadi punca dua LRA di Selangor dihenti tugas

Oleh NORAFIZA JAAFAR

**BANGI**

## Henti tugas LRA Semenyih dan LRA Bukit Tampoi

- 309,687 akaun pengguna terjejas
- Libat 274 kawasan membabitkan empat daerah iaitu Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang
- Henti tugas LRA akibatkan Air Selangor tidak dapat agihkan sebanyak 602 juta liter air sehari

Pencemaran bau yang menyebabkan henti tugas Loji Rawatan Air (LRA) Semenyih dan Bukit Tampoi di sini kelmarin disyaki berpunca daripada reban angsa di Sungai Pajam dan kawasan perindustrian Nilai 3, Negeri Sembilan.

Exco Alam Sekitar, Teknologi, Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna Selangor, Hee Loy Sian berkata, pihaknya dimaklumkan terdapat cucian besar-besaran di reban angsa dekat tepi sungai tersebut sekitar jam 9 pagi kelmarin yang mectetuskan bau kuat.

Menurutnya, pihaknya telah maklumkan kejadian tersebut kepada Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun untuk diambil tindakan.

"Kejadian pencemaran itu berlaku di luar Selangor dan kita hadapi kesukaran untuk menjalankan penguatkuasaan di negeri lain.

"Saya sangat berharap kerajaan Negeri Sembilan dapat mengambil inisiatif untuk menyasat punca pencemaran," katanya pada sidang akhbar di Tasik Idaman, Sungai Buah di sini semalam.

Loy Sian memaklumkan, kerajaan Selangor akan membuat laporan polis berhubung kejadian tersebut bagi membolehkan siasatan dilakukan.

"Saya tidak pasti jika kejadian berkenaan adalah disebabkan unsur sabotaj, kena tunggu laporan siasatan.



Loy Sian (kiri) meninjau Tasik Idaman, Sungai Buah di Bangi yang diletakkan pam untuk pencairan air ke Sungai Semenyih semalam.

"Selain itu, Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan mengambil tindakan jika terdapat ketidakpatuhan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974," katanya.

Kelmarin pihak pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) memaklumkan berlaku pencemaran bau di Sungai Semenyih dan Sungai Langat menyebabkan henti tugas LRA Semenyih dan Bukit Tampoi terpaksa dilakukan bermula jam 4.30 petang.

Tindakan itu menyebabkan sebanyak 309,687 akaun pengguna di 274 kawasan membabitkan empat daerah iaitu Petaling,

Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang terlibat dalam gangguan bekalan air tidak berjadual.

Dalam pada itu, sehingga jam 7 malam tadi, LRA Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi masih belum beroperasi berikutan insiden pencemaran air mentah.

Menurut kenyataan Air Selangor, henti tugas itu menyebabkan Air Selangor tidak dapat menghasilkan air sebanyak 602 juta liter sehari untuk dibekalkan kepada pengguna di 274 kawasan dan gangguan bekalan itu dijangka mengambil masa yang lama untuk pulih.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR

6 October 2020

|              |   |  |
|--------------|---|--|
| Akhbar       | : | Sinar Harian                                 |
| Tajuk Berita | : | Air sisa tanpa rawatan boleh cemarkan sungai |
| Muka Surat   | : | 10   |

### Air sisa tanpa rawatan boleh cemarkan sungai

#### SHAH ALAM -

Kegiatan membasuh kilang, loji, kandang ternakan dan premis perniagaan boleh mencemarkan sumber air di sungai, tasik dan empangan sekiranya tiada kemudahan rawatan air sisa di premis terbabit.



ZAINI

Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air (Kasa), Datuk Seri Ir Dr Zaini Ujang berkata, apa sahaja kotoran, najis dan bahan kimia dari premis itu terus disalur ke longkang sebelum masuk ke anak sungai dan sungai utama tanpa sebarang rawatan intensif.

Menurutnya, kebanyakan premis di kawasan perumahan yang menghasilkan air basuhan dari bilik air, dapur serta tandas yang dikenali sebagai kumbahan telah disambung dengan sistem pembetungan berpusat yang dikendalikan oleh syarikat Indah Water Konsortium Sdn. Bhd (IWK).

“Pembetungan berpusat dilengkapi dengan Loji Rawatan Kumbahan (LRK) bertujuan untuk mengurangkan tahap pencemaran sebelum kumbahan terawat dilepaskan ke sungai atau laut.

“Jika tahap pencemaran dilepaskan dari kilang, loji (termasuk LRK), kandang ternakan dan premis perniagaan tinggi kandungan bahan cemaranya sama ada bahan organik atau bahan bukan organik, maka muka sauk untuk pengambilan air mentah terpaksa ditutup,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, penutupan itu perlu dilakukan kerana Loji Rawatan Air (LRA) hanya dibenarkan merawat air mentah yang rendah tahap bahan cemaranya.

Zaini berkata, untuk mengatasi masalah pencemaran itu, semua premis perumahan, kilang, loji, kandang ternakan dan perniagaan perlu mempunyai kemudahan rawatan air sisa atau kumbahan.



## KERATAN AKHBAR

6 October 2020

|              |   |  |
|--------------|---|--|
| Akhbar       | : | Sinar Harian                           |
| Tajuk Berita | : | Polis siasat pencemaran bau di dua LRA |
| Muka Surat   | : | 10                                     |

# Polis siasat pencemaran bau di dua LRA

Ambil tindakan terhadap pihak bertanggungjawab

### SHAH ALAM

Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan mengambil tindakan terhadap pihak yang bertanggungjawab menyebabkan pencemaran bau di dua Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi dekat sini sehingga ia terpaksa dihenti tugas sepenuhnya kelmarin.

Timbalan Ketua Polis Selangor, Datuk Arjunaidi Mohamed berkata, PDRM akan memberi laluan kepada Jabatan Alam Sekitar untuk melakukan siasatan terlebih dahulu bagi mengenal pasti pihak yang akan dikenakan

tindakan ekoran insiden itu.

“Dua loji yang terpaksa dihenti tugas itu memang berada di kawasan Selangor tetapi berdasarkan siasatan awal punca pencemaran di LRA terbabit berlaku di Negeri Sembilan.

“Pencemaran berlaku bermula dari kawasan hulu sungai itu (Sungai Semenyih) sehingga ke LRA berkenaan maka kami akan melihat dahulu siapa yang benar-benar bertanggungjawab,” katanya di sini semalam.

Katanya, jika terbukti punca pencemaran berlaku di Negeri Sembilan maka polis kontinjen negeri berkenaan akan menubuhkan pasukan khas bagi



ARJUNAIDI

menangani insiden yang memberi kesan terhadap 309,687 akaun pengguna di Selangor iaitu di wilayah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang.

Mengulas mengenai sama ada polis ada membuat rondaan dan pengawasan di LRA atau empangan, beliau berkata, pihaknya tidak meningkatkan rondaan dan pengawasan di kawasan LRA atau empangan.

“Ini kerana kemudahan (LRA dan empangan) berkenaan memiliki penguat kuasa sendiri selain punca pencemaran insiden semalam tidak berlaku di LRA atau empangan,” katanya. - Bernama



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



| <b>KERATAN AKHBAR</b> |   |                                       |
|-----------------------|---|---------------------------------------|
| <b>6 October 2020</b> |   |                                       |
| Akhbar                | : | Sinar Harian                          |
| Tajuk Berita          | : | MAIS serah dana rangsangan pendidikan |
| Muka Surat            | : | 20                                    |

# MAIS serah dana rangsangan pendidikan

Sumbangan RMI  
juta bukti MAIS  
prihatin terhadap  
pembangunan  
pendidikan

Oleh MOHD IZZATUL  
IZUAN TAHIR

**BANGI**

**M**ajlis Agama Islam Selangor (MAIS) menyerahkan sumbangan dana rangsangan pendidikan berjumlah RMI juta kepada Kolej Universiti Islam Antara-



Ahmad Shahir (kiri) menyampaikan replika cek kepada Ab Halim (kanan) sambil disaksikan Mohd Amin pada Majlis Sambutan Jubli Perak KUIS 25 tahun di Pusat Konvokesyen KUIS Jumaat lalu.

bangsa Selangor (KUIS). Menurut kenyataan MAIS, dana disalurkan melalui peruntukan wang baitulmal MAIS itu diserahkan kepada KUIS pada

Majlis Sambutan Jubli Perak KUIS 25 tahun di Pusat Konvokesyen KUIS pada Jumaat lalu.

Kenyataan itu memaklumkan, bantuan rang-

sangan tersebut diberikan kerana KUIS merupakan salah sebuah anak syarikat di bawah MAIS.

“Sumbangan dana itu membuktikan MAIS mengambil berat hal kebajikan penuntut institusi pengajian tinggi yang memberi tumpuan terhadap pembangunan pendidikan khususnya di negeri Selangor,” menurutnya dalam kenyataan semalam.

Sumbangan itu disampaikan Setiausaha MAIS, Dr Ahmad Shahir Makhhtar kepada Rektor KUIS, Profesor Datuk Dr Ab Halim Tamuri sambil disaksikan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Mohd Amin Ahmad Yahya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



| <b>KERATAN AKHBAR</b><br><b>4 October 2020</b> |   |   |
|--|---|---|
| Akhbar   | : | KOSMO Online  |
| Tajuk Berita                                   | : | 309,605 pengguna terjejas LRA Sungai Semenyih, Bukit Tampoi henti tugas |
| Muka Surat                                     | : | -   |





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



| <b>KERATAN AKHBAR</b> |   |   |
|-----------------------|---|---|
| <b>5 October 2020</b> |   |   |
| Akhbar                | : | Malysiakini (Bahasa)  |
| Tajuk Berita          | : | Pencemaran bau Sungai Semenyih disyaki dari kawasan industri di Nilai |
| Muka Surat            | : | -   |

The screenshot shows a news article from Malaysiakini dated 5 October 2020. The headline is "Pencemaran bau Sungai Semenyih disyaki dari kawasan industri di Nilai". The article discusses concerns about air pollution in the Sungai Semenyih area, attributed to industrial zones in Nilai. It mentions that the area is a major water supply source for Kuala Lumpur and that there have been reports of foul odors. The article also notes that the area is a major water supply source for Kuala Lumpur and that there have been reports of foul odors. The article also notes that the area is a major water supply source for Kuala Lumpur and that there have been reports of foul odors.




**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



| <b>KERATAN AKHBAR</b><br><b>4 October 2020</b> |   |   |
|--|---|---|
| Akhbar   | : | Malysiakini (Bahasa)  |
| Tajuk Berita                                   | : | Pencemaran: Lagi gangguan air di Lembah Klang, jejas 300,000 pengguna |
| Muka Surat                                     | : | -   |



**Pencemaran: Lagi gangguan air di Lembah Klang, jejas 300,000 pengguna**

Sebuah kawasan di Lembah Klang mengalami gangguan bekalan air kerana masalah pembaikan di kawasan tersebut. Pihak berkuasa air berkata, gangguan ini berlaku pada petang tadi dan menjejaskan lebih 300,000 pengguna air di Lembah Klang.

Pihak berkuasa air berkata, gangguan ini berlaku kerana masalah pembaikan di kawasan tersebut. Pihak berkuasa air berkata, gangguan ini berlaku pada petang tadi dan menjejaskan lebih 300,000 pengguna air di Lembah Klang.

Pihak berkuasa air berkata, gangguan ini berlaku kerana masalah pembaikan di kawasan tersebut. Pihak berkuasa air berkata, gangguan ini berlaku pada petang tadi dan menjejaskan lebih 300,000 pengguna air di Lembah Klang.



Pihak berkuasa air berkata, gangguan ini berlaku kerana masalah pembaikan di kawasan tersebut. Pihak berkuasa air berkata, gangguan ini berlaku pada petang tadi dan menjejaskan lebih 300,000 pengguna air di Lembah Klang.

Pihak berkuasa air berkata, gangguan ini berlaku kerana masalah pembaikan di kawasan tersebut. Pihak berkuasa air berkata, gangguan ini berlaku pada petang tadi dan menjejaskan lebih 300,000 pengguna air di Lembah Klang.

Pihak berkuasa air berkata, gangguan ini berlaku kerana masalah pembaikan di kawasan tersebut. Pihak berkuasa air berkata, gangguan ini berlaku pada petang tadi dan menjejaskan lebih 300,000 pengguna air di Lembah Klang.



Pihak berkuasa air berkata, gangguan ini berlaku kerana masalah pembaikan di kawasan tersebut. Pihak berkuasa air berkata, gangguan ini berlaku pada petang tadi dan menjejaskan lebih 300,000 pengguna air di Lembah Klang.

Pihak berkuasa air berkata, gangguan ini berlaku kerana masalah pembaikan di kawasan tersebut. Pihak berkuasa air berkata, gangguan ini berlaku pada petang tadi dan menjejaskan lebih 300,000 pengguna air di Lembah Klang.

Pihak berkuasa air berkata, gangguan ini berlaku kerana masalah pembaikan di kawasan tersebut. Pihak berkuasa air berkata, gangguan ini berlaku pada petang tadi dan menjejaskan lebih 300,000 pengguna air di Lembah Klang.

Pihak berkuasa air berkata, gangguan ini berlaku kerana masalah pembaikan di kawasan tersebut. Pihak berkuasa air berkata, gangguan ini berlaku pada petang tadi dan menjejaskan lebih 300,000 pengguna air di Lembah Klang.

Pihak berkuasa air berkata, gangguan ini berlaku kerana masalah pembaikan di kawasan tersebut. Pihak berkuasa air berkata, gangguan ini berlaku pada petang tadi dan menjejaskan lebih 300,000 pengguna air di Lembah Klang.

Pihak berkuasa air berkata, gangguan ini berlaku kerana masalah pembaikan di kawasan tersebut. Pihak berkuasa air berkata, gangguan ini berlaku pada petang tadi dan menjejaskan lebih 300,000 pengguna air di Lembah Klang.

Pihak berkuasa air berkata, gangguan ini berlaku kerana masalah pembaikan di kawasan tersebut. Pihak berkuasa air berkata, gangguan ini berlaku pada petang tadi dan menjejaskan lebih 300,000 pengguna air di Lembah Klang.

Pihak berkuasa air berkata, gangguan ini berlaku kerana masalah pembaikan di kawasan tersebut. Pihak berkuasa air berkata, gangguan ini berlaku pada petang tadi dan menjejaskan lebih 300,000 pengguna air di Lembah Klang.







**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**6 October 2020**

|              |   |   |
|--------------|---|---|
| Akhbar       | : | The Star                                  |
| Tajuk Berita | : | Heavy or dirty, it doesn't matter for now |
| Muka Surat   | : | 1   |



**Heavy or dirty, it doesn't matter for now**

*Residents of Puchong Jaya collecting water – no matter how dirty it looks – from an Air Selangor tanker. The corporation is unsure when water supply can resume but consumers are fuming. And the police are investigating. See reports on pages 3 & 4 – AZHAR MAHFOF/The Star*



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



| <b>KERATAN AKHBAR</b> |   |                                   |
|-----------------------|---|-----------------------------------|
| <b>6 October 2020</b> |   |                                   |
| Akhbar                | : | The Star                          |
| Tajuk Berita          | : | Waste and organic compounds found |
| Muka Surat            | : | 3                                 |

# Waste and organic compounds found

DOE takes six samples from the site for Chemistry Department to analyse

**NILAI:** Authorities have found waste as well as organic compounds dumped in a bush near the Nilai Industrial Area which they believe led to the pollution of two rivers and caused water cuts in neighbouring Selangor.

The odour from the dumped waste was similar to that detected near the Sungai Semenyih water treatment plant and which led to its temporary closure.

The Environment and Water Ministry in a statement said it had reasons to believe the illegal dumping was the work of an unlicensed company or companies.

"The police, the National Water Service Commission and Department of Environment (DOE) will probe this and refer to the discovery as their secondary source," the ministry said.

However, the statement did not stipulate the type of waste which was found dumped in the area.

Several high-ranking officials, including those from the ministry, the commission, the DOE, the Negri Sembilan Water Regulatory Authority, Syarikat Air Selangor and the



**Toxic site:** Plastic waste and organic compounds can be seen floating on Sungai Batang Benar in Nilai. — Bernama

police were involved in the operation.

The ministry said state DOE personnel took six samples from the site which were sent to the Chemistry Department for analysis.

"The Seremban City Council and

the Solid Waste Management and Public Cleansing Corporation or SWCorp will conduct a clean-up exercise in the area," it said, adding that the area had also been cordoned off.

The ministry said Air Selangor

was unable to resume supply to the affected areas as the odour along the water intake points was still strong.

At the time the statement was released, the odour reading was between seven and eight TON

(threshold odour number).

"Operations should resume once the reading goes down to zero," it said.

State Environment, Health, Cooperatives and Consumerism Committee chairman S. Veerapan said the authorities also took samples from a goose farm in Kg Hulu Pajam.

"Our findings revealed the farm has been operating illegally over the past four years.

"The samples have also been sent for analysis," he said in a statement.

He said the state government would help coordinate the logistics to transport the waste from the area.

The Sungai Semenyih and Bukit Tampoi water treatment plants had to completely stop operating on Sunday after pollution was detected in Sungai Semenyih, which is the raw water source for both facilities.

This happened just one month after the odour pollution in Sungai Gong which led to water disruption that affected 1,292 areas in the Klang Valley and nearly 1.2 million consumer accounts.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



| <b>KERATAN AKHBAR</b> |   |   |
|-----------------------|---|---|
| <b>6 October 2020</b> |   |   |
| Akhbar                | : | The Star  |
| Tajuk Berita          | : | Air Selangor unable to estimate water recovery time |
| Muka Surat            | : | 4   |

## Air Selangor unable to estimate water recovery time

**PUTRAJAYA:** Air Selangor will continue taking water samples every half an hour at its intake point until a reading of 0 TON (Threshold Odour Number) is recorded.

Only then can water supply be resumed, said its chief executive officer Suhaimi Kamaralzaman.

The firm was unable to determine the estimated water supply recovery period until the authorities were able to identify the exact source of pollution, he said.

"We need to ensure that the water is safe for consumers. At 12.30pm on Monday, the pollution level at the Sungai Semenyih treatment plant measured 9 TON while the Bukit Tampoi plant recorded 8 TON," he said at a press conference at the Sungai Semenyih plant.

Suhaimi said pollution detected at Sungai Batang Benar, about 20km from the Sungai Semenyih plant in Negri Sembilan, measured 18 TON.

Sungai Batang Benar is one of the river sources that flows into Sungai Semenyih, he said.

As a result of the unscheduled disruption, Air Selangor was unable to produce the 602 litres required daily to supply water to 309,867 account holders in 274 areas in Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat and Sepang districts.

"It will take a long time for water supply to fully resume as the two treatment plants have been closed for more than 20 hours," he said, adding that it was the fourth time



**Safety concern:**  
 Air Selangor workers inspecting the water at the Sungai Semenyih Water Treatment Plant in Putrajaya.  
 — CHAN TAK KONG/  
 The Star

this year that supply was disrupted due to pollution.

Air Selangor had mobilised 64 water tankers for urgent need at hospitals, dialysis centres and schools, he said.

"The public can get alternative water supply via 14 static tankers, seven stations, nine local service centres and 10 public pipes," he said.

For updates and a list of alternative water supply locations, see Air Selangor's social media sites or download the Air Selangor app in Google Play and Apps Store, or visit [www.airselangor.com](http://www.airselangor.com).

Earlier, Air Selangor said taps at premises in 274 areas in Selangor would stay dry as pollution levels were still high at raw water intake points near the Bukit Tampoi and Sungai Semenyih plants.

Consumers affected in Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat and Sepang areas are advised to find alternative supply at designated public taps near Masjid Puchong Perdana, MPSJ depot, USJ 3A, Kompleks 3K, and Petronas Unikeb Bandar Baru Bangi, said Air Selangor head of corporate communications Elina Baseri.

Public taps are also available at Tangki Air Bandar Sg Emas, Masjid Al-Islah in Banting, Taman Gemilang public hall, as well as near Pekan Salak and Pekan Dengkil markets.

The Sungai Semenyih and Bukit Tampoi treatment plants were shut-down on Sunday after odour pollution was detected beyond permissible thresholds at the Sungai Semenyih plant.

Environment and Water Minister Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man said the pollution source is believed to be from the Nilai industrial estate in Negri Sembilan.



| <b>KERATAN AKHBAR</b> |   |                              |
|-----------------------|---|------------------------------|
| <b>6 October 2020</b> |   |                              |
| Akhbar                | : | The Star                     |
| Tajuk Berita          | : | Consumers riled up over cuts |
| Muka Surat            | : | 4                            |

# Consumers riled up over cuts

## 'Water authorities must be more prepared to avoid recurring issues'

**PETALING JAYA:** Klang Valley consumers affected by the latest water supply disruption want the authorities to be more prepared to prevent such problems from recurring.

Many took to social media to vent their frustration and urge for harsher enforcement against polluters.

Rudzman Zabaruddin, 42, a food blogger from Serdang, said it was frustrating that Selangor residents had to face water cuts again.

"I've been living here for 14 years and this can be considered a yearly issue. And we were just recovering from the Sungai Gong issue," he said, referring to the odour pollution a month ago which affected 1,292 areas in the Klang Valley and 1.2 million consumer accounts.

Rudzman said he was sad to see many restaurants and stalls closed because of the lack of water.

Arveent Srirangan Kathirchelvan, 26, from Taman Sri Gombak, said some residents went out to the nearest river to get water without considering cleanliness and safety.

He urged the Selangor government to come up with a back-up plan in future, such as an emergency water stockpile.

The state should also be looking into rainwater harvesting, he added.

Subang Jaya resident Seela Gunasakaran, 36, said she was shocked upon being told of the water disruption on Sunday night.

"I was away with my family when I received a call from my sister at

8pm, telling me that there would be water disruption.

"By the time I reached home, the water supply was completely out," said the entrepreneur, who has three young children.

"A water tanker was deployed but can you imagine the ordeal of queuing and then having to carry water home?"

Seela also claimed that the water the residents got was not so clean.

Nur Izzra Izzati, 30, was worried after she heard that water supply was unavailable at her parents' house in Telok Panglima Garang.

She urged the authorities to impose stiffer punishment on offenders who caused water disruption and pollution.

Businesswoman Siti Nurathikah Abd Aziz, 24, from Sepang, claimed the water from the tanker sent to her place was not very clean as well.

"The water tanker lorry came this yesterday morning (yesterday), but sadly, the water was yellow in colour and you could smell chlorine in it.

"This is not the first time it has happened in Selangor. How come other states don't have so many water pollution issues?"

"This problem cannot be solved just by the government, but we the public must also take action," Siti said.

She called on residents to inform the authorities if they saw anyone carrying out acts of pollution in the rivers in the state.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



| <b>KERATAN AKHBAR</b> |   |   |
|-----------------------|---|---|
| <b>6 October 2020</b> |   |   |
| Akhbar                | : | The Star                                      |
| Tajuk Berita          | : | Fix drain erosion in Taman Melawis, MPK urged |
| Muka Surat            | : | 4   |

By EDWARD RAJENDRA  
 edward@thestar.com.my

## Fix drain erosion in Taman Melawis, MPK urged

OWNERS of 18 houses along Lintang Besi in Taman Melawis are urging Klang Municipal Council (MPK) to upgrade the earth drain to a concrete U-drain, to overcome erosion behind their houses.

Complaints on the erosion had been lodged numerous times to MPK.

In 2004, residents in the area had raised the issue to the council's former Engineering Department director Mohamad Noor Mahmud as the one-metre earth drain had widened

to 3.5m.

Mohamad Noor had his technical team instal old motorcycle tyres to have the soil retained on-site and address erosion but to no avail.

Resident, Ungku Aris Abdul Masjid, 73, said the gradual erosion of the earth drain had affected the houses, with cracks that allowed water to seep into the back portion during floods.

"Our houses were built in 1969, with a scupper drain at the back,

but it is now broken while some stretches are covered with earth.

"Surface runoff and water from the homes are channelled into the earth drain. It has been like this for decades," he said.

Aris pointed out that the earth drain, which is 310m long, was misaligned and this caused a backflow that resulted in flash floods in parts of Lorong Besi.

"It is time for the council to seriously look into this matter and

resolve the situation," he added.

The 18 houses were built in 1969 and known as Susie Garden.

